

25/11/2003

Dr M, keluarga beraya di luar negara

KUALA LUMPUR: Selepas 22 tahun menyambut kedatangan rakyat jelata yang mengunjungi rumah terbukanya sempena Aidilfitri, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, mengubah tradisi apabila berangkat ke luar negara bersama anggota keluarganya bagi meraikan Syawal tahun ini.

Dr Mahathir dan keluarganya berlepas dari Kuala Lumpur untuk ke satu destinasi popular di rantau ini tetapi dirahsiakan tempatnya, pagi semalam.

Dalam perjalanan, mereka singgah di Alor Star selama kira-kira dua jam bagi menziarahi pusara ibu bapa Dr Mahathir di Masjid Akar Peluru.

Dr Mahathir turut melawat kakaknya, Rafeah, 89, dan Habsah, 87, di rumah anak saudaranya, Datin Yasmin Mashahor di Taman Sultan Badlishah, Alor Star.

Sumber rapat kepada Dr Mahathir berkata, rancangan hari raya bekas Perdana Menteri itu terpaksa dirahsiakan kerana beliau mahu meluangkan masa menyambut Aidilfitri bersama keluarga.

"Beliau menyedari bahawa peluang untuk menghabiskan masa bersama keluarga hanya boleh dinikmati jika mereka sekeluarga beraya di luar negara," katanya.

Mengikut perancangan, Dr Mahathir dan keluarganya dijangka pulang ke tanah air pada 3 Disember ini.